



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

TEKNIK PERUNDINGAN DALAM PERTANDINGAN DEBAT DIRAJA

NOOR ASLIZA BINTI ABDUL RAHIM

FBMK 2016 30



TEKNIK PERUNDINGAN DALAM PERTANDINGAN DEBAT DIRAJA

Oleh

NOOR ASLIZA BINTI ABDUL RAHIM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

Ogos 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia.



DEDIKASI

*Kuhadiahkan ini untuk arwah mak dan abah
jasa bakti dan pengorbanan sucimu tersemat di kalbu
memberi kekuatan dan semangat
mengajar erti ketabahan dan kepayahan
dalam mengharungi kehidupan berliku*

*Abang, kakak dan adik-adikku
gelak tawa dan tangisan kalian
sumber kekuatan dalam mengapai impian*

*Buat insan pendidik yang tidak pernah jemu mencurahkan ilmu buatku
Untuk rakan seperjuangan
yang tidak lokek memberi nasihat dan meniupkan semangat*

Pengorbanan, kerjasama, kritikan dan galakan kalian pemangkin kejayaan ini.

“Terima Kasih”

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

TEKNIK PERUNDINGAN DALAM PERTANDINGAN DEBAT DIRAJA

Oleh

NOOR ASLIZA BINTI ABDUL RAHIM

Ogos 2016

Pengerusi : Norazlina Haji Mohd Kiram, PhD
Fakulti : Bahasa Melayu dan Komunikasi

Pertandingan Debat Diraja merupakan satu platform yang membolehkan pendebat mempamerkan kemahiran berkomunikasi dan mengaplikasikan teknik perundingan dalam penghujahan. Teknik penghujahan yang betul bukan sahaja dapat mengangkat kredibiliti pendebat tetapi juga dapat mempengaruhi khalayak sekali gus memenangi pertandingan. Kajian ini bertujuan mengenal pasti teknik perundingan yang digunakan oleh pendebat dalam Pertandingan Debat Diraja, menganalisis teknik perundingan pendebat berdasarkan Teknik Perundingan Asmah Haji Omar (2000), seterusnya merumuskan hubungan antara teknik perundingan dengan keputusan pertandingan. Kajian ini menumpukan teknik perundingan yang digunakan oleh para pendebat dalam Pertandingan Akhir Debat Diraja pada tahun 2009, 2010 dan 2012. Data diperolehi melalui rakaman audio video dan ditranskripsikan dalam bentuk bertulis. Terdapat 373 data yang telah dikenal pasti dan dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif dan statistik mudah. Selanjutnya, kajian ini telah mengaplikasikan kerangka Teknik Perundingan Asmah Haji Omar (2000) yang mengemukakan lima kategori teknik, iaitu ciri pragmatik, cerita, bunga bahasa, pemilihan kod dan humor. Kajian ini mendapati bahawa pendebat ada menggunakan teknik perundingan semasa berhujah. Teknik penggunaan ciri pragmatik merupakan teknik yang paling banyak digunakan, iaitu sebanyak 244 kali bagi ketiga-tiga tahun. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada mahasiswa, khususnya pendebat supaya dapat menggunakan teknik perundingan yang betul semasa berhujah dan mempraktikkannya dalam konteks yang lebih luas.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of
the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

NEGOTIATION TECHNIQUE IN ROYAL DEBATE COMPETITION

By

NOOR ASLIZA BINTI ABDUL RAHIM

August 2016

ABSTRACT

Chairman: Norazlina Haji Mohd Kiram, PhD

Faculty : Modern Languages and Communication

Royal Debate is a platform that allows debaters to showcase their communication skills and negotiation techniques applied in the submissions. Suitable technical submissions not only enhance the credibility of the debaters but can also affect the audience and thus raise up their chances to win the competition. This study signified to identify negotiation techniques used by debaters in Royal Debate Competition, analyze negotiation of debater using the Technical Consultation based on a theoretical framework Asmah Haji Omar (2000) and summarizes the relationship between negotiation techniques with the competition results. This study focuses on negotiation techniques used by the debaters in the Royal Debate Finals in 2009, 2010 and also 2012. Data collected through video and audio recordings were transcribed. There were 373 data which have been identified and analyzed using qualitative methods and statistical analysis. This study applied the framework of negotiations proposed by Asmah Haji Omar (2000) which sets forth five categories technique, such as the use of pragmatic features, stories, figurative phrases, code-switching and humour. The findings of the study revealed that debaters used the current negotiations to argue. Among it the techniques reported, pragmatic technique was the most widely used technique, with 244 times of use for the three consecutive years. Overall, this study would be beneficial to the students, especially for debaters to utilize proper techniques during negotiations to argue and put it into practice in a broader context.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim

Segala Pujian ke Hadrat Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
Selawat dan Salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Syukur ke hadrat Ilahi dengan izin dan rahmat-Nya, diberi kekuatan dan kesabaran dalam menyempurnakan tesis ini. Pelbagai cabaran dan dugaan yang telah saya lalui untuk mencipta kejayaan. Kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan dorongan semua pihak yang tidak pernah jemu mendoakan saya. Penghargaan yang tidak terhingga dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Norazlina Haji Mohd Kiram (selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan) yang sentiasa merintis jalan, memberi sokongan, masa, idea dan tidak jemu membimbing dengan iringan semangat dalam penerokaan ilmu pengetahuan sehingga siapnya penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Prof. Madya Dr. Raja Masittah Binti Raja Ariffin selaku penyelia bersama. Segala tunjuk ajar bantuan, panduan dan pandangan bernas yang diberikan amat saya hargai. Tanpa bimbingan dan kerjasama tersebut sudah pasti tesis ini sukar disempurnakan.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan Ph.D, Roswati Abd. Rashid, Zaliza Mohd Nasir dan Norzila Yusuf yang banyak membantu dan sentiasa memberi sokongan dalam usaha menyiapkan tesis ini. Serta rakan-rakan di Universiti Malaysia Perlis, Prof Madya Lt. Kol (B) Dr. Azuddin Bahari, Wan Salha Yusuff, Rozie Nani Ahmad, Sharmini Abdulllah, Rozilawati Mahadi dan Zaliza Zubir yang sentiasa memberi sokongan dalam menyiapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Fakulti Pengajian Bahasa Moden, Universiti Putra Malaysia yang menjadi platform bagi saya melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran secara teori dan praktikal dalam bidang pengkhususan pengajian ini. Setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih juga kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaysia Perlis atas peluang serta kepercayaan yang diberikan untuk menaja pengajian di peringkat PhD. ini.

Akhir sekali, tidak lupa kepada arwah emak dan abah yang dikasihi. Serta abang, kakak dan adik-adik yang sangat saya sayangi. Terima kasih di atas doa, sokongan dan kasih sayang kalian yang tidak terbalas selamanya. Hanya Allah yang dapat membalas segala jasa dan pengorbanan kalian.

Terima kasih semua.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Norazlina binti Hj. Mohd Kiram, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakuan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan Norazlina binti Hj. Mohd Kiram, PhD

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
 BAB	
 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Debat Medium Komunikasi Mahasiswa	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Batasan Kajian	8
1.7 Definisi Operasional	9
1.7.1 Teknik Perundingan	9
1.7.2 Debat Diraja	10
 2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Kajian Debat Sebagai Medium Pengajaran dan Pengajaran (PdP)	11
2.2.1 P. A. Graham (2011)	11
2.2.2 D. Hall (2012)	13
2.2.3 R. L. Healey (2012)	14
2.2.4 Khaeruddin Kurniawan (2012)	15
2.2.5 Chien-Hui Yang dan Eniati Rusli (2012)	17
2.2.6 Yudi Suseno, Rumiri Aruan dan Hadriana (2013)	18
2.3 Kajian Teknik dan Strategi Komunikasi dan Perundingan	20
2.3.1 Asmah Haji Omar (2000)	22
2.3.2 Jamaliah Mohd Ali (2000)	23
2.3.3 Rohaidah Haron (2004)	24
2.3.4 K.R.W. Syhlaya S. D. William (2008)	25
2.3.5 Jeniri Amir (2008)	27
2.3.5 Mohd Azam Ahmad (2012)	31
2.4 Perkaitan Kajian Terdahulu Dengan Kajian Ini	32

3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.2.1	Kerangka Teori	34
3.2.2	Kerangka Konsepsi	49
3.2.3	Pendekatan Kajian	51
3.2.4	Kaedah Kajian	51
3.2.5	Data Kajian	52
3.3	Instrumen Kajian	52
3.4	Prosedur Pengumpulan Data	52
3.5	Penganalisan Data	55
4	ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	57
4.2	Teknik Perundingan dalam Pertandingan Debat antara IPT	57
4.3	Analisis Teknik Perundingan dalam Debat Menggunakan Kerangka Konsep Asmah Haji Omar (2000)	67
4.3.1	Penggunaan Ciri Pragmatik	67
4.3.2	Penggunaan Cerita	93
4.3.3	Pemilihan Kod	93
4.3.4	Penggunaan Bunga Bahasa	95
4.3.5	Penggunaan Humor	96
4.4	Rumusan Hubungan antara Teknik Perundingan dengan Keputusan Pertandingan	102
4.5	Implikasi Dapatan Kajian	110
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	103
5.2	Rumusan	103
5.3	Cadangan	107
	BIBLIOGRAFI	117
	LAMPIRAN	124
	BIODATA PELAJAR	200
	SENARAI PENERBITAN	201

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Konvensyen Transkripsi Jefferson (1984)	53
2	Pengkategorian Data	54
3	Teknik Perundingan oleh Pendeбат bagi Tahun 2009	59
4	Teknik Perundingan oleh Pendeбат bagi Tahun 2010	62
5	Teknik Perundingan oleh Pendeбат bagi Tahun 2012	65
6	Keputusan Pertandingan Akhir Debat Diraja antara IPT Tahun 2009, 2010 dan 2012	95
7	Penggunaan Teknik Perundingan oleh Pendeбат	99

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kerangka Teori Teknik Perundingan Asmah Haji Omar (2000)	48
2	Kerangka Konsepsi	50
3	Prosedur Pengumpulan Data	56
4	Teknik Perundingan dalam Pertandingan Debat Diraja Antara IPT	58
5	Teknik Perundingan Pihak Kerajaan Tahun 2009	60
6	Teknik Perundingan Pihak Pembangkang Tahun 2009	60
7	Teknik Perundingan Pihak Kerajaan Tahun 2010	63
8	Teknik Perundingan Pihak Pembangkang Tahun 2010	63
9	Teknik Perundingan Pihak Kerajaan Tahun 2012	66
10	Teknik Perundingan Pihak Pembangkang Tahun 2012	66

SENARAI SINGKATAN

IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	-	Institusi Pendidikan Tinggi Awam
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPT	-	Jabatan Pendidikan Tinggi
IPTS	-	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
UA	-	Universiti Awam
UM	-	Universiti Malaya
USM	-	Universiti Sains Malaysia
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UIAM	-	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn
UiTM	-	Universiti Teknologi Mara Malaysia
MADUM	-	Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
SMAN 1	-	Sekolah Menengah Atas Negeri 1
R&D	-	<i>Research and Development</i>
ELT	-	<i>English Language Teaching</i>
SC	-	<i>Strategic Consideration</i>
BAB	-	<i>Beating About The Bush</i>
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
PIP	-	Pelan Induk Perindustrian
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPSMI	-	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
MCA	-	Malaysian Chinese Association
PRU	-	Pilihan raya Utama
INTAN	-	Perkhidmatan Awam Institut Tadbir Awam Negara
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
KBAT	-	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
SPR	-	Suruhanjaya Pilihan raya
PM	-	Perdana Menteri

KP	-	Ketua Pembangkang
M1	-	Menteri Pertama
M2	-	Menteri Kedua
P1	-	Pembangkang Pertama
P2	-	Pembangkang Kedua



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Berucap di hadapan khalayak bukan sesuatu perkara yang mudah, sama ada dalam situasi spontan mahupun terancang. Menurut McAuley (1992:2), aktiviti berkomunikasi seperti berucap ada di mana-mana dan tidak dapat dielakkan, namun kurangnya kemahiran berucap bermakna satu kecacatan. Aktiviti berucap merangkumi semua aspek ucapan yang disampaikan secara sehalu ataupun dua hala seperti perdebatan, perbahasan, syarahan, ceramah, ucapan awam, ucapan harian dan pelbagai bentuk komunikasi yang lain. Dalam konteks kajian ini, kemahiran berucap difokuskan kepada aktiviti berdebat.

Secara umumnya, debat merupakan perbincangan antara kedua-dua belah pihak yang masing-masing mempunyai pendapat yang berbeza tentang sesuatu isu. Asmah Haji Omar (2010:1), mentakrifkan debat sebagai peristiwa bahasa yang mempunyai lebih daripada seorang dan bersifat interaktif. Mengikut Henry Guntur Tarigan (1981:87), debat merupakan suatu argumen untuk menentukan baik tidaknya suatu usul tertentu yang didukung oleh satu pihak yang disebut pendukung atau afirmatif, ditolak, disangkal oleh pihak lain yang disebut penyangkal atau negatif. Manakala, Dodi Wuwur Hendrikus (1991:120-121) mendefinisikan debat sebagai satu aktiviti berhujah atau argumentasi antara peribadi atau antara kelompok manusia, dengan tujuan untuk mencapai kemenangan untuk satu pihak.

Berdebat memerlukan pendebat menguasai kemahiran berhujah agar dapat meraih sokongan penonton dan juri dengan hujah yang meyakinkan. Penyampaian hujah sangat penting dalam sesebuah aktiviti perdebatan kerana hujah merupakan proses pembentukan dan pengeluaran buah fikiran, dan proses ini sebahagian besarnya bergantung pada penguasaan bahasa (Asmah Haji Omar, 2000:6).

Justeru, untuk tampil berbahasa dengan baik, seseorang pendebat perlu mengetahui empat faktor yang menentukan penggunaan bahasa, iaitu siapa yang bertutur kepada siapa, untuk tujuan apa, di mana dan bagaimana hendak mengujarkannya dengan sesuai mengikut konteks tertentu (M.S. Troike 1991). Menurut Asmah Haji Omar (2000:2), debat merupakan satu bentuk perbahasan atau perbincangan yang penuh dengan konflik. Oleh itu, pendebat perlu berhujah dengan kritis serta tampil dengan pelbagai teknik berdebat yang betul untuk memastikan bahawa hujah yang disampaikan jelas, meyakinkan dan persuasif untuk mengubah persepsi juri.

Perdebatan juga merupakan suatu peristiwa bahasa atau tindakan yang berorientasikan matlamat. Cragan (2004:170) menjelaskan bahawa aktiviti komunikasi dalam sesuatu perdebatan tidak bertujuan untuk berkongsi atau mengatakan sesuatu, tetapi adalah

untuk mencapai matlamat kemenangan. Ini bermakna, aktiviti berdebat bertujuan untuk mempengaruhi penonton melalui hujah yang meyakinkan, sekali gus dapat meraih perhatian khalayak dan juri. Dalam hubungan ini, Asmah Haji Omar (2000) menjelaskan bahawa pendebat perlu menguasai pelbagai teknik perundingan dalam debat, terutamanya yang melibatkan konflik atau pertikaian untuk mencapai kemenangan. Daripada penerangan tersebut, jelaslah bahawa dalam sesebuah perundingan, pengaplikasian teknik yang betul sangat penting dalam mengendalikan konflik.

1.2 Debat Medium Komunikasi Mahasiswa

Cabaran dunia globalisasi kini meletakkan kemampuan berkomunikasi lisan sebagai tiket penting dalam apa-apa jua profesion. Henry Guntur Tarigan (1981) menjelaskan bahawa kemampuan berbicara seseorang akan menentukan kejayaan kariernya. Oleh itu, para graduan perlu melengkapkan diri dengan kehendak pasaran semasa, iaitu mempunyai kemahiran insaniah atau *soft skill* yang baik dan berkesan. Antara elemen kemahiran insaniah adalah seperti kebolehan berkomunikasi, penguasaan bahasa, keupayaan berfikir secara kritis, kemampuan menyelesaikan masalah, keserasian bekerja dalam pasukan, memiliki daya keusahawanan, bakat kepimpinan serta nilai moral dan etika yang tinggi (Aminah Ayob, Noor Shah Saad & Maria Salih: 2007).

Dalam usaha membina kemahiran insaniah, mahasiswa pada hari ini perlu dilatih dan diberi peluang serta ruang tampil ke hadapan untuk melahirkan pendapat melalui aktiviti berkomunikasi seperti debat, pidato, forum, dan sebagainya. Tujuannya adalah untuk mewujudkan persekitaran yang membolehkan pelajar berfikir secara kritis dan berkomunikasi dengan baik. Jamaliah Mohd Ali (2000) mendapati bahawa aktiviti pengucapan awam seperti seminar, dan sebagainya dapat menggalakkan mahasiswa menyuarakan pandangan mereka terhadap sesuatu isu semasa secara spontan dan berani. Melalui aktiviti ini, mahasiswa dilatih untuk meningkatkan keyakinan diri mereka dan berani berucap di hadapan khalayak.

Aktiviti debat telah disyorkan menjadi sebahagian daripada aktiviti kokurikulum di semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Menurut Saifudin Abdullah (2009), kemahiran berucap perlu dikuasai oleh semua mahasiswa baik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Beliau menyarankan agar aktiviti debat dijadikan sebagai kegiatan kokurikulum utama dan perlu menjadi satu budaya dalam kehidupan mahasiswa di dalam kampus. Ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai mahasiswa yang berfikiran kritis dan mahir dalam berkomunikasi dan dapat melahirkan generasi yang bijak berhujah pada masa hadapan.

Keberkesanan penggunaan kaedah debat dalam sistem pengajaran dan pembelajaran (pdp) juga telah terbukti di negara maju. Misalnya, Amerika Syarikat telah menjadikan aktiviti debat sebagai satu medium untuk meningkatkan kemahiran analitis, iaitu kemahiran membuat analisis yang mendalam terhadap sesuatu isu yang akan

diperdebatkan dan berucap dalam kalangan pelajarannya (Branham & Meany, 1998). Medium debat ini digunakan dalam sistem pendidikan mereka untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Khaerudin Kurniawan (2012) telah merujuk pandangan Dori Wuwur Hendrikus yang mengatakan bahawa penggunaan model debat dalam sistem pembelajaran peringkat universiti di Indonesia telah dapat meningkatkan keterampilan bertutur dalam kalangan mahasiswa. Hal ini kerana, model pembelajaran berdebat mempunyai sifat umum, iaitu melibatkan komunikasi interpersonal dan juga dapat membina aspek mental dan emosi peserta.

Pengaplikasian pendekatan debat dalam aktiviti kokurikulum sesungguhnya dapat meningkatkan kemahiran insaniah mahasiswa. R. D. Rieke, M. O. Sillars dan Peterson (2013) menegaskan bahawa kepandaian seseorang individu dalam berhujah akan dapat meningkatkan kualiti kemahiran berfikir, berkomunikasi, dan membuat keputusan. Pendapat yang sama turut disuarakan oleh Dori Wuwur Hendrikus (1991) dan Faizatul Azlinda dan Mohd. Jamil (2010) yang mengatakan bahawa aspek keyakinan diri pendebat diuji melalui penggunaan bahasa yang pelbagai, melatih diri berfikir secara teliti, tepat, kritis, rasional dan pantas ketika membidas isu yang diperdebatkan. Seterusnya, Alex, K. Nola (1990) mengatakan bahawa disiplin debat mempunyai tiga matlamat, iaitu:

- i. meningkatkan pemikiran kritikal dan keupayaan menaakul (*the enhancement of critical thinking and reasoning abilities*).
- ii. membangunkan pencapaian akademik (*academic advancement or development*).
- iii. meningkatkan kemahiran komunikasi (*the promotion of communication skills*).

Dengan adanya tiga disiplin debat ini, tidak mustahil usaha untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan berfikir dalam kalangan pendebat dapat dicapai. Sehubungan itu, Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) telah menganjurkan pelbagai pertandingan debat dalam bahasa Melayu yang boleh dijadikan platform bagi mahasiswa berdebat. Antaranya, Pertandingan Debat Piala Diraja Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/S), Pertandingan Debat Perdana Integriti, Pertandingan Debat Perpaduan dan Integrasi Nasional, Pertandingan Debat Alam Sekitar, Pertandingan Debat Kepenggunaan (FOMCA), Pertandingan Debat Kemerdekaan, Pertandingan Debat Kefahaman Islam dan Pertandingan Debat Astar Terbuka. Penganjuran pertandingan debat seperti ini dapat menjadi platform kepada mahasiswa untuk membudayakan aktiviti berdebat dalam kehidupan mereka.

A. J. Freeley dan D. L. Steinberg (2009) menjelaskan bahawa debat berfungsi sebagai medium komunikasi penting dalam masyarakat dan mempunyai makna yang sangat signifikan dalam kehidupan seharian manusia. Mereka menegaskan:

Much of the most significant communication in our lives is conducted in the form of debates. These may take place in interpersonal communication, in which we weigh the pros and cons of an important decision in our own minds, or they may take place in interpersonal

communication, in which we listen to arguments intended to influence our decision or participate in exchanges to influence the decisions of others.

(Austin J. Freeley & David L. Steinberg, 2009:2)

Kepentingan berdebat bukan sekadar untuk keperluan di dalam kampus, tetapi dapat menjadi platform kepada mahasiswa untuk mengasah bakat berhujah di samping menajana minda yang kritikal serta dapat menambahkan kualiti intelek mahasiswa (Faizatul Azlinda & Mohd. Jamil, 2010:3-4). Menurut Dori Wuwur Hendrikus (1991:128), aktiviti debat melatih pendebat untuk menyediakan bahan secara teliti, berfikir secara rasional, tajam, merumuskan fikiran secara bernas berserta fakta yang tepat serta jelas untuk membidas, mematahkan hujah pihak lawan dan mempertahankan pasukannya. Malah, debat juga dapat membina kemahiran untuk berbicara secara singkat (spontan), padat dan mengesankan. Justeru, fokus dan ketajaman minda sangat diperlukan dalam proses berdebat.

Kemahiran berkomunikasi dengan baik dan berkesan dalam bidang pengucapan awam sangat penting lebih-lebih lagi dalam era globalisasi kini. Menyedari hakikat tersebut, penerokaan yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk mengenal pasti, menganalisis dan memahami penggunaan teknik perundingan yang betul, terutamanya semasa berdebat. Perkara ini dibuktikan melalui kajian Dori Wuwur Hendrikus (1991:17), yang menjelaskan bahawa keberkesanan sesebuah monologika (seni bicara secara bermonolog) dan dialogika (ilmu tentang seni berbicara secara berdialog dan melibatkan dua orang atau lebih) adalah bergantung kepada teknik bicara. Dalam hal ini, teknik perundingan merupakan aspek yang sangat penting dan merupakan syarat yang mesti ada dalam sesebuah komunikasi sama ada yang bersifat monologika ataupun secara dialogika.

Penguasaan ilmu teknik perundingan bukan sahaja dapat membantu pendebat menghasilkan hujah yang efektif, malah dapat memanfaatkan penguasaan ilmu pengetahuan dalam mengutarakan argumen atau hujah serta bidasan bersandarkan fakta yang logik dan mantap. Dengan mengenal pasti dan menguasai penggunaan teknik perundingan yang betul, hujah dapat disampaikan dengan penuh bermaklumat. Hal ini kerana, perkara asas dalam perdebatan atau perbahasan adalah penyampaian hujah. Hujah merupakan butir yang berupa maklumat lama atau baharu yang digunakan oleh peserta untuk memperkuat kandungan perbincangannya, meyakinkan pendengar, mematikan hujah pihak lawan dan sebagainya (Asmah Haji Omar, 2000:40).

Mengikut Asmah Haji Omar (2000), penyampaian sesuatu hujah juga tidak akan berkesan jika teknik penyampaiannya tidak dapat membantu mereka bergelar juara dalam pertandingan tersebut. Justeru, adalah signifikan kajian ini dilakukan dalam usaha untuk membantu mahasiswa meningkatkan kemahiran komunikasi mereka. Dalam konteks perdebatan pula, pendebat yang mahir berkomunikasi akan dapat menyampaikan hujah yang kritis sekali gus dapat mempengaruhi khalayak.

1.3 Penyataan Masalah

Berdebat bukan merupakan satu aktiviti pengucapan awam yang mudah kerana peristiwa bahasa ini menggambarkan konflik atau pertikaian antara pihak yang berlainan ideologi dan kepentingan (Asmah Haji Omar, 2000:45). Kemahiran berdebat sangat penting kepada sesiapa yang hendak mempengaruhi orang lain dalam penyampaian hujahnya kerana komunikasi yang berjaya memerlukan kualiti (Abdullah & Ainon Mohd, 2003:7). Namun, persoalannya sejauh manakah keberkesanan dan kualiti penyampaian hujah oleh para pendebat dalam aktiviti berdebat?

Menurut Mohd Shukri Mohd Ariff (2012:8), masih terdapat pendebat universiti yang tidak dapat berhujah atau berdebat dengan baik walaupun mereka mempunyai kepetahan bercakap. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih terdapat kelemahan dalam kalangan pendebat dari aspek penyampaian hujah yang betul. Hasil kajian menunjukkan bahawa masalah lemah dalam menyampaikan hujah ini berlaku kerana para pendebat tidak menguasai teknik perundingan yang betul. Pandangan Mohd Shukri Mohd Ariff ini, selari dengan pendapat Asmah Haji Omar (2000:46) yang mengatakan bahawa komunikasi yang baik tidak akan berkesan jika teknik penyampaiannya tidak dapat mengetengahkan pendebat sebagai pemenang. Dengan kata lain, pendebat perlu menguasai teknik perundingan supaya matlamat yang dihasratkan tercapai. Dalam hubungan ini, sejarah dunia telah membuktikan bahawa kebanyakan tokoh pemimpin terkenal seperti Demosthenes, Napoleon Bonaparte, J. F. Kennedy, Winston Churchill, Adolf Hitler dan Martin Luther King telah dapat mempengaruhi rakyat kerana mereka berkeupayaan menguasai ilmu teknik berbicara atau retorika ketika berucap atau berpidato (Dori Wuwur Hendrikus, 1991:14-18).

Keupayaan menggunakan teknik perundingan dalam perdebatan perlu disokong oleh penguasaan ilmu pengetahuan. Walau bagaimanapun, masih ada dalam kalangan pendebat universiti yang tidak dapat berhujah dengan baik disebabkan tahap pembacaan dan pengetahuan umum mereka yang rendah sehingga menyebabkan mereka sering membuat kesalahan seperti memberikan fakta yang salah serta mempunyai keupayaan yang rendah (Mohd Shukri Mohd Ariff, 2012:8). Selain itu, ada juga yang tidak berupaya melontarkan idea disebabkan mereka tidak mempunyai kemahiran berbahasa serta mempunyai perbendaharaan kata yang terhad (Mariana Yusoff, 2011). Realitinya, masalah ketandusan ilmu yang dihadapi oleh golongan pendebat secara tidak langsung mencerminkan realiti sebenar sikap mahasiswa kini yang kebanyakannya tidak menguasai ilmu pengetahuan dengan baik.

Seterusnya, Mohamad Shatar Sabran et.al, (2007) mengatakan bahawa masalah utama mahasiswa dalam berkomunikasi ialah lemah dalam membuat *argumen* sehingga tidak mampu berhujah dengan kritis dan analitikal. Maka, atas sebab itulah kebanyakan mahasiswa tidak terampil berbahasa dan berkomunikasi dengan baik seperti yang didakwa oleh sesetengah majikan. Menurut Hasliza Hassan (2002), Mohd Zaki Kamsah (2004) serta Rodiah Idris, Siti Rahayah Ariffin dan Noriah Mohd Ishak (2009), masalah ini jugalah yang menjadi penyebab kepada isu pengangguran dalam kalangan mahasiswa kini. Dalam konteks perdebatan, penguasaan ilmu itu

mencerminkan kebijaksanaan pendebat, iaitu bijak berhujah berdasarkan fakta yang logik dan idea yang mantap. Namun, kegagalan pendebat dalam menguasai ilmu pengetahuan menjadi punca kepada kekalahan mereka (Mohd Shukri Mohd Ariff, 2012:8). Justeru, ilmu pengetahuan harus dikuasai oleh setiap pendebat untuk memastikan bahawa matlamat untuk memenangi hati pendengar dan juri tercapai.

Keberkesanan penyampaian hujah juga berkait rapat dengan faktor keyakinan diri seseorang. Abdullah dan Ainon Mohd (2002), menjelaskan bahawa antara kriteria lain yang turut membantu dalam penyampaian hujah atau ucapan yang baik dan berkesan ialah perucap memiliki aspek keyakinan diri, berbahasa dengan menggunakanatabahasa yang betul dan mempunyai daya persuasif yang tinggi. Kurang keyakinan diri untuk menggunakan bahasa juga akan menyebabkan seseorang perucap mengalami sindrom "*kehilangan kata-kata*" apabila diminta menuturkan sesuatu topik dalam konteks tertentu (Asmah Haji Omar, 1986). Masalah ini akan menyebabkan pendebat tidak dapat menyampaikan hujah dengan menggunakan bahasa yang baik dan lancar. Kesannya mereka tidak dapat berhujah dengan baik. Hal ini kerana, keupayaan mengemukakan pendapat dengan penuh rasa yakin dan tanpa ragu-ragu merupakan prasyarat untuk berjaya dalam sesuatu perdebatan (Faizatul Azlinda & Mohd Jamil, 2010).

Masalah pendebat tidak yakin semasa berhujah merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kekalahan dalam perdebatan. Sedangkan, aspek keyakinan diri sangat penting semasa berhujah kerana melalui keyakinan diri yang tinggi akan dapat menutup kelemahan sama ada disedari atau tidak oleh hakim dan pihak lawan (Faizatul Azlinda & Mohd Jamil, 2010). Hakikatnya banyak pendebat tidak menyedari bahawa kurangnya pengetahuan tentang teknik berhujah boleh menyumbang kepada masalah ketidakyakinan diri. Oleh itu, penggunaan teknik komunikasi yang betul dan berkesan sangat diperlukan untuk mencapai sesuatu tujuan kerana setiap bentuk pengucapan mempunyai strategi dan cara yang berbeza supaya objektif akan tercapai (Abdullah & Ainon Mohd 2002). Pendapat Abdullah dan Ainon Mohd ini diperkukuhkan dengan kenyataan Dori Wuwur Hendrikus (1991:20) yang menjelaskan bahawa penguasaan teknik berbicara atau retorika bukan sahaja dapat mempertingkatkan keyakinan diri, malahan dapat meyakinkan dan mempengaruhi pendengar dengan lebih efektif.

Hujah bukan sahaja perlu disampaikan dengan baik dan berkesan, tetapi juga memerlukan teknik tertentu agar dapat menarik sokongan khalayak sekali gus mencapai kemenangan. Melalui penyelidikan, didapati kajian tentang aspek penggunaan teknik tersebut masih kurang mendapat perhatian para pengkaji. Kajian tentang teknik dan strategi komunikasi ada dijalankan oleh beberapa pengkaji seperti Jamaliah (1995), K.R.W. Shylaja (2008), Jeniri Amir (2008), Shamala Paramasivam (2009), Abdul Rahman Abdullah, (2009), Hazlina Abd. Halim (2011), Ashinida Aladdin (2012) dan Rosni Samah. et.al (2013). Namun, kebanyakan kajian mereka lebih tertumpu kepada aspek penguasaan bahasa kedua dalam kalangan pelajar bukan natif.

Tidak dinafikan juga terdapat kajian yang berkaitan dengan penggunaan teknik dan strategi perundingan oleh beberapa sarjana tempatan seperti Asmah Haji Omar (2000) serta Abdullah Hassan dan Ainon Mohd,(2003). Namun, fokus kajian mereka hanya tertumpu pada penggunaan teknik dan strategi secara umum sahaja. Sebaliknya, fokus penggunaan teknik perundingan dalam debat perlu juga diberi perhatian khusus kerana debat merupakan salah satu bentuk pengucapan awam yang mempunyai banyak elemen insaniah yang diperlukan oleh mahasiswa sebagai nilai tambah kepada keterampilan diri mereka seperti kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, kemahiran berfikir dan berbahasa dengan kritis dan berkesan.

Sewajarnya, penggunaan teknik dan strategi perundingan yang betul dalam berdebat perlu dikaji dan ditingkatkan bilangannya agar dapat menambahkan ilmu pengetahuan tentang kaedah dan teknik berdebat yang betul dan sesuai kepada pendebat khususnya. Sehubungan itu, kajian ini perlu diteroka dengan lebih mendalam untuk mendedahkan penggunaan teknik berdebat dalam kalangan pendebat universiti khususnya dan mahasiswa amnya. Malah, ia juga dapat digunakan oleh pelajar di semua peringkat sama ada di sekolah mahupun universiti sebagai salah satu elemen meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi.

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang bertajuk, “Teknik Perundingan dalam Pertandingan Debat Diraja” ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengenal pasti teknik perundingan yang digunakan oleh pendebat dalam Pertandingan Debat Diraja,
- ii. Menganalisis teknik perundingan pendebat berdasarkan Teknik Perundingan Asmah Haji Omar (2000), dan
- iii. Merumuskan hubungan antara teknik perundingan dengan keputusan pertandingan.

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini penting untuk menjelaskan teknik yang boleh digunakan oleh pendebat dalam pertandingan debat. Proses perdebatan bukan sahaja memerlukan pendebat menguasai kemahiran berhujah dengan baik, malah hujah tersebut perlu disampaikan dengan jelas dan bersifat persuasif. Oleh itu, adalah penting kepada setiap pendebat untuk mempelajari dan menguasai penggunaan teknik berdebat atau perundingan agar dapat dimanfaatkan dalam penghujahan mereka. Ini kerana, tanpa perancangan teknik dan strategi yang baik, akan membantutkan hujah dalam sesebuah komunikasi (Ainon Mohd, 2003). Mengikut Asmah Haji Omar (2000), penyampaian sesuatu hujah juga tidak akan berkesan jika teknik penyampaian tidak dapat membantu mereka bergelar juara dalam pertandingan tersebut. Justeru, kajian ini secara tidak langsung dapat membantu mahasiswa serta pendebat untuk memahami dan menguasai ilmu

tentang teknik berdebat yang agar dapat mempraktikkan dalam komunikasi supaya menjadi lebih efektif dan persuasif.

Penguasaan teknik berdebat akan membolehkan pendebat berhujah dengan yakin dan kritis. Menjadi pendebat yang hebat memerlukan keyakinan diri yang tinggi kerana dengan keyakinan diri akan menutup kelemahan yang ada seperti kekurangan fakta dan sebagainya (Faizatul Azlinda & Mohd Jamil, 2010:24-25). Keyakinan diri yang tinggi juga dapat menambahkan keyakinan penonton dan juri terhadap keupayaan pendebat seperti yang dinyatakan oleh Zieglmueller dan Dause (1975:4) *“individuals can be assisted in their efforts to make important decisions and in their efforts to convince others of the wisdom of those decisions”*. Aktiviti berdebat boleh membantu pendebat membuat keputusan yang penting untuk meyakinkan orang lain berdasarkan kebijaksanaannya. Tegasnya, penguasaan teknik berdebat yang betul dapat meningkatkan lagi keyakinan diri dalam kalangan pendebat untuk berhujah. Seterusnya, pendebat dapat mempengaruhi khalayak supaya menyokong hujahnya.

Di samping itu, kajian ini juga diharap dapat memberikan sumbangan kepada pembentukan modal insan yang berketerampilan dalam berkomunikasi, berfikir secara kritis dan kreatif serta berkeyakinan diri dengan cara menyediakan input dan modul tambahan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan juga Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM). Diharapkan pihak yang berkenaan dapat menggunakan kajian ini untuk merancang, membincang dan membangunkan satu modul teknik pengucapan awam yang lebih berkesan dalam usaha membangunkan kemahiran berkomunikasi mahasiswa. Hal ini bertepatan dengan usaha pelbagai pihak untuk melaksanakan aktiviti debat sebagai aktiviti kokurikulum di semua Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Ini termasuklah, mewujudkan semula Sudut Pidato yang boleh menjadi platform kepada mahasiswa untuk mengasah bakat dalam bidang pengucapan awam.

1.6 Batasan Kajian

Kajian berbentuk kualitatif ini hanya tertumpu pada Pertandingan Akhir Debat Diraja antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Batasan kajian adalah seperti yang berikut:

- i. data berdasarkan tiga rakaman Pertandingan akhir Debat Diraja antara IPT yang melibatkan 18 orang peserta, iaitu pada tahun 2009 (6 orang), 2010 (6 orang) dan 2012 (6 orang). Jumlah keseluruhan data ialah sebanyak 373 yang melibatkan hujah dalam pusingan pertama (slot ucapan - hujah substantif dan celahan) dan pusingan kedua (slot penggulangan). Pembahagian data adalah seperti berikut:
 - tahun 2009 (82 data)
 - tahun 2010 (137 data)
 - tahun 2012 (154 data)

- ii. data akan dianalisis dengan menggunakan kerangka konsep Asmah Haji Omar (2000) yang menekankan lima teknik perundingan, iaitu penggunaan ciri pragmatik, penggunaan cerita, penggunaan bunga bahasa, pemilihan kod dan penggunaan humor

1.7 Definisi Operasional

Kajian ini akan memberikan definisi terhadap beberapa istilah supaya dapat memberikan lebih pemahaman terhadap kajian yang dilakukan .

1.7.1 Teknik Perundingan

M. A. Edward (1963) mentakrifkan teknik sebagai satu kaedah untuk mengimplementasikan tipu muslihat tertentu yang digunakan untuk mencapai sesuatu objektif yang telah ditetapkan. Teknik merupakan kaedah mencipta sesuatu hasil seni seperti muzik, karang-mengarang dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015:1630). Asmah Haji Omar (2000) mengatakan bahawa teknik merujuk kepada cara yang digunakan oleh peserta untuk mencapai matlamatnya dalam perundingan tertentu, dan matlamat itu adalah untuk muncul sebagai pemenang. Dengan kata lain, terdapat teknik tertentu yang boleh digunakan dalam konteks pertandingan. Dalam sesebuah pertandingan debat, penguasaan dan pemilihan teknik yang betul sangat penting bagi membantu pendebat mencapai matlamat kemenangan. Sehubungan dengan itu, pendebat perlu memilih teknik yang terbaik bagi memastikan matlamat yang diinginkan tercapai kerana kebijaksanaan berhujah tidak akan berkesan jika teknik penyampaian tidak membantu pendebat keluar sebagai juara dalam pertandingan (Asmah Haji Omar, 2000). Oleh itu, penguasaan dan pemilihan teknik perdebatan yang betul akan dapat membantu pendebat merancang strategi yang tepat bagi membantu mereka mencapai kemenangan.

Dalam konteks kajian, pengkaji akan menggunakan kerangka teknik perundingan yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (2000) untuk mencapai objektif kajian. Teknik yang dikemukakan ini terdiri daripada lima kategori, iaitu:

1. penggunaan ciri pragmatik
2. penggunaan cerita
3. penggunaan bunga bahasa
4. pemilihan kod
5. penggunaan humor

Keterangan lanjut tentang kelima-lima teknik tersebut akan dikupas dalam BAB 3. Secara konseptualnya, teknik perundingan merupakan kaedah dan strategi yang digunakan oleh pendebat untuk menyampaikan hujah bagi memenangi Pertandingan Debat Diraja. Berdasarkan kajian ini, teknik perundingan merujuk kepada teknik yang

digunakan oleh pihak Kerajaan dan pihak Pembangkang semasa menyampaikan hujah masing-masing.

1.7.2 Debat Diraja

Debat ialah proses bertukar fikiran (biasanya yang bertentangan) atau berbantahan berkenaan sesuatu perkara, pendapat dan pendirian, dengan masing-masing pihak mengeluarkan pendapat, alasan, dan sebagainya (Kamus Dewan, 2015: 322-323). Manakala Dori Wuwur Hendrikus (1991:120), mendefinisikan debat sebagai pertentangan hujah antara individu atau kelompok dengan tujuan untuk mencapai kemenangan. Definisi yang sama turut diberikan oleh Faizatul Azlinda dan Mohd. Jamil (2010:1), iaitu perbahasan, pertentangan idea, pendapat dan buah fikiran. Sementara Asmah Haji Omar (2000:1), mendefinisikan debat sebagai suatu kegiatan interaksi bahasa yang melibatkan adanya perbincangan yang ditimbulkan oleh wujudnya konflik antara orang yang mengambil bahagian atau peserta. Perbahasan ialah kegiatan yang menggambarkan adanya konflik, iaitu tidak adanya persefahaman berhubung dengan sesuatu perkara atau isu. Debat dalam kajian ini merujuk kepada medium yang digunakan oleh mahasiswa untuk menyampaikan pendapat dan idea yang bertentangan antara satu sama lain.

Dalam konteks kajian ini, debat merujuk kepada pertandingan Debat Diraja antara IPT yang disertai oleh mahasiswa universiti. Debat Diraja antara IPT melibatkan mahasiswa daripada pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Malaysia. Pertandingan ini bermula sejak tahun 1995. Secara amnya, Pertandingan Debat Diraja ini terbuka kepada semua mahasiswa di semua Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Aktiviti ini dianggotai oleh tiga orang pendebat dalam setiap kumpulan. Dalam setiap pertandingan terdapat dua kumpulan, iaitu kumpulan yang mewakili pihak kerajaan dan kumpulan yang mewakili pihak pembangkang. Setiap ahli kumpulan akan mengemukakan hujah dan bukti yang dapat menyokong pendirian mereka. Kemenangan hanya dicapai jika Yang Dipertua Dewan mengumunkan bahawa usul yang dikemukakan diterima.

Pertandingan Debat Diraja ini mengikut format ala Parlimen, iaitu gabungan antara format perdebatan Debat Australia dan Debat Dunia. Format debat ini juga telah diterima secara rasmi untuk Pertandingan Debat Asia (*All-Asian Intersarsity Debating Championships*). Maklumat lanjut tentang format dan syarat pertandingan Debat Diraja antara IPT dilampirkan dalam LAMPIRAN 5.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Razak Ab. Karim. (1994). *Rujukan lengkap Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: MY Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2000). "Bentuk Strategik Komunikasi Masyarakat Melayu: Satu Analisis Berdasarkan Warkah Melayu Lama." *Jurnal Bahasa*, Jilid 44, Bil. 7 Julai 2000.797-807.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2006). *Warkah Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman bin Abdullah.(2009). *Kompetensi Komunikatif dan Strategi Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sek. Men. Keb. Agama Di Negeri Selangor*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Ab. Rahman Ab. Rashid, & Yap Kim Fatt. (2002). *Bahasa Kebangsaan*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1994). *Peribahasa: Nilai-nilai Murni KBSM*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd.(2002). *Komunikasi Untuk Pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Publication Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2002). *Komunikasi untuk Pendakwah*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2003). *Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Yusuff. (1995)."Analisis Interaksi Berdasarkan Parameter Yang Mempengaruhi dan Parameter Yang Dipengaruhi." *Jurnal Bahasa*, Jilid 39, Bil. 3 Mac 1995 240-25.
- Ainon Mohd. (2003). *Komunikasi Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Publication Sdn. Bhd.
- Alex & Nola. K. (1990). *Debate and Communication Skills*. *ERIC Digest*, <http://www.ericdigests.org/pre-9216/debate.htm>.
- Aminah Ayob, Noor Shah Saad & Maria Salih. (2007). Status Pelaksanaan Kemahiran Insaniahdi Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Prosiding Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007*, Hotel Palace of the Golden Horses, Seri Kembangan, Selangor.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Haji Omar. (1990). 'Aspek Humor atau Makar Seperti yang Tergambar dalam Bahasa Sastera Tradisi Kedah' dalam *Warisan Sastera Kedah Darulaman. Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darulaman*: 1-18.
- Asmah Haji Omar. (1992). *Indirectness As A Rule Of Speaking Among The Malays*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1997). *Wacana Temu Duga dan Wawancara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1997). *Retorik Iklan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1998). *Bahasa Iklan Perniagaan : Satu Kajian Bahasa Retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2010). *Wacana Temuduga dan Wawancara Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ashinida Aladdin, (2012). *Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi Dalam Komunikasi Bahasa Arab*, <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/632>.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Branham, R. & Meany, J. (1998). *Parliamentary Debate. Debate Central*, <http://debate.uvm.edu/meanyparli.html>.
- Chien-Hui Yang & Enniati Rusli, (2012). Using Debate As a Pedagogical Tool In Enhancing Pre-Service Teachers' Learning And Critical Thinking. *Journal of International Education Research-Second Quarter Volume 8*, <http://journals.cluteonline.com/index.php/JIER/article/view/6833/6908>
- Corder, S.P. (1983). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.
- Canale, M. (1983). *From Communicative Competence to Communicative Language Pedagogy*. In Richards, J. C., & Schmidt, R. W. (Eds.), *Language and Communication*, 2-27. London: Longman.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*. Malaysia: McGraw –Hill Malaysia.

- Cragan, J. F., Kasch, C. R. & Wright, D. W. (2004). *Communication in Small Groups. Theory, Process, Skills* .6th ed. Canada: Wadsworth.
- Dornyei, Z., & Scott, M. L. (1997). Communication Strategies In A Second Language: Definitions and Taxonomies. *Language Learning*, 47(1), 173-209.
- Dori Wuwur Hendrikus. (1991). *Retorika Terampil Berpidato, Berdiskusi, Berargumentasi, Bernegosiasi*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Edward, A. M. *Approach, Method and Technique* ,<http://eltj.oxfordjournals.org/content/xvii/2/63.full.pdf>.
- Firman Aziz. (2012). Model Pembelajaran Debat Untuk Meningkatkan Kemahiran Berbicara Berbahasa Indonesia Siswa Sekolah Menengah Atas. *Prosiding Seminar on Pedagogy of Malay, Indonesian, and Other Languages (PMIOL)*.
- Faerch, C. & Kasper, G. (1983). *Strategies in Interlanguage Communication*. New York: Longman Limited.
- Faizatul Azlinda Ahmad Fuad & Mohd Jamil Yaacob. (2010). *Seni Debat Panduan Komprehensif*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Freeley, A.J & Steinberg, D.L (2009). *Argumentation and Debate: Critical Thinking for Reasoned Decision Making (12th Edition)*. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Ghazali Lateh. (2007). *Interaksi Dalam Ujian Lisan Berasaskan Sekolah dalam Kalangan Remaja*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Graham, A.P (2011). "Using Debate to Teach Information Ethics" *Journal of Information Systems Education*, <http://euwn.jise.org>.
- Hall, D *Debate Inovative Teaching To Enhance Communication Skill*, <http://ijahsp.nova.edu/articles/Vol9Num3/pdf/Hall.pdf>.
- Hasliza Hassan. (2002). "Ciri-ciri Kualiti Pelajar Untuk Keperluan Pekerjaan Pada Masa Kini". *Seminar Antara Industri dan Institusi Pendidikan Awam*. Bangi: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hazlina Binti Abdul Halim. (2011). *Pengaruh Bahasa Melayu dalam strategi Komunikasi Penulisan Bahasa Perancis*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Healey, R.L (2012). The Power of Debate: Reflections on the Potential of Debates for Engaging Students in Critical Thinking about Controversial Geographical Topic. *Journal of Geography in Higher Education*, Vol. 36, No. 2, 239–257, <http://www.tandfonline.com/doi/pdf/10.1080/03098265.2011.619522>.

- Henry Guntur Tarigan.(1993). *Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Henry Guntur Tarigan. (1981). *Berbicara sebagai Suatu Keterampilan Berbahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Hobbs, P. (2007). *Lawyers' Use Of Humor As Persuasion*, <http://home.earthlink.net/~p37954/sitebuildercontent/sitebuilderfiles/lawyer.pdf>.
- Jalaluddin Rakhmat. (2000). *Retorika Modern*. Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya.
- Jamaliah Mohd. Ali. (1995). *Malaysian Student Seminar: A Study Of Pragmatic Features In Verbal Interaction*. Kuala Lumpur: Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Jamaliah Mohd. Ali. (2000). *Malaysian Student Seminar: A Study Of Pragmatic Features In Verbal Interaction*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jeniri Amir. (2008). Debat Anwar-Shabery: Strategi Retorik dalam Komunikasi Politik. *Seminar Politik Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA): Shah Alam.
- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1994). *Pengajian Melayu 3: Komunikasi Bahasa*.Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik Edisi Ketiga. (1993). Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Kelly, W. E. (2010). An Investigation of worry and sense of humor. *Journal of Psychology*,136,657-666.
- Keraf Gorys. (1981). *Diksi dan Gaya Bahasa: Komposisi Lanjutan 1*. Edisi yang diperbaharui. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Keris Mas. (1988). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Kumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khaerudin Kurniawan. (2012). Model Pembelajaran Debat Untuk Meningkatkan Keterampilan Berbicara Mahasiswa. *Prosiding Seminar on Pedagogy of Malay, Indonesian, and Other Languages (PMIOL)*.
- K.R.W. Shylaja S.D. William. (2008). "Communication Strategies Employed During A Parliamentary Style Debate –A Case Study", Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Lustigova, L. (2011). *Speak Your Mind: Simplified Debates As A Larning Tool At The University Level*,

https://www.researchgate.net/publication/228750412_Speak_Your_Mind_Simplified_Debates_As_A_Learning_Tool_At_The_University_Level.

Mariana Yusoff . (2011). Kemahiran Insaniah Mantapkan Graduan Harung Dunia Pekerjaan. *Berita Harian*, 14 Mac.

McAuley, J.G. (1992). *Komunikasi antara Manusia: Ciri-ciri Penting dalam Komunikasi Peribadi dan Komunikasi Awam* (terj. Mohd Safar Hashim & Fatimah Yusooft). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohammad Shatar Sabran, Samir Muhazzab Amin, & Mohd Pauzi Abd. Karim. (2007). *Tujuh Kemahiran Unggul Mahasiswa Glokal*. Selangor: GEMS Publishing.

Mohd Azam Ahmad. (2012). "*Strategi dan Teknik Komunikasi Perbicaraan Mahkamah: Analisis Pragmatik*", Tesis PhD, Universiti Malaya.

Mohd Zaki Kamsah (2004). "*Developing Generic Skills In Classroom Environment: Engineering Students' Perspective*". NCVER's Glossary of Australian VET Training Terms (2003). "Generic Skills", <http://www.ncver.edu.au.htm>.

Mohd Shukri Mohd Ariff. (2012). Menuntut Perubahan. *Dewan Masyarakat* Jilid 48 Bil. 9, September. 8.

Norida Berhan & Zulkefly Hamid. (2012). Retorik Gaya dalam Membentuk Karakter Bangsa, *Jurnal Linguistik Persatuan Linguistik Malaysia*. Jilid 15, Jun 2012. 1-16.

Oshima, K. (2013). An Examination for Styles of Japanese Humor : Japan ' s Funniest Story Project 2010 to 2011. *Intercultural Communication Studies XXII (2013)*, 2. 91– 110.

Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Othman Talib. (2013). *Atlas-ti Pengenalan Analisis Data Kualitatif 140 Ilustrasi Langkah Demi Langkah*. Selangor: MPW Rich Resources.

Painter, M. (1996). *Educator's Guide to Persuasive Speaking*. New Jersey: Prentice Hall Inc.

Parcher, J. (1998). "*The Value of Debate Adapted from the Report of the Philodemic Debate Society*", http://logosforensics.org/files/The_Value_of_Debate.pdf.

Rieke, R.D, Sillars, M.O & Peterson, T.R (2013). *Argumentation and Critical Decision Making*. New York: Pearson.

Rohaidah Haron. (2004). *Perbicaraan di Mahkamah Syariah: Suatu Analisis*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.

- Rodiah Idris, Siti Rahayah Ariffin dan Noriah Mohd Ishak. (2009), Pengaruh Kemahiran Generik Dalam Kemahiran Pemikiran Kritis, Penyelesaian Masalah dan Komunikasi Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, Volume 6, 2009. 103-140. <http://www.myjurnal.my/public/articleview.php?id=7869>.
- Rosni Samah et.al. (2013). Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dalam Kalangan Jurulatih Debat. *GEMA online Journal of Language Studies*. Volume 13(2), Mei 2013. 99-155.
- Roy, D. P. (2012). Promoting Active Learning Of Ethical Issues in Marketing Communication Using Debates. *Marketing Education Review*, Vol. 22, no.. 73- 76.
- Silverman, D (2005). *Doing Qualitative Research 2nd Edition*. London: SAGE Publication.
- Sabitha Marican. (2009). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves: Edusystem Sdn. Bhd.
- Saifudin Abdullah. (2009). Jadikan Pengucapan awam Kokurikulum Utama di IPT. *Utusan Malaysia*, 19 Jun.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2007). *Unsur Bahasa dalam Budaya*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Shamala Paramasivam. (2009). "Language Transfer As A Communication Strategy And A Language Learning Strategy in a Malaysian ESL Classroom, http://www.asian-efl.com/March_09_2p.php.
- Sukmadinata, N.S. 2005. *Metode Penelitian Pendidikan*. Bandung: Rosda Karya & UPI Press.
- Siti Hajar Abdul Aziz.(2010). *Pragmatik Linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syarat-Syarat dan Peraturan Pertandingan Debat Diraja antara Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia, www.midp.edu.my.
- Talib Samat. (2006). *Teknik Naratif Cerpen-cerpen Shahnnon Ahmad*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tarone, E. (1980). Communication Strategies, Foreigner Talk and Repair in Interlanguage. *Language Learning*, 30: 417-431.
- Tarone, E., Cohen, A.D., dan Dumas, G. (1983). *A Closer Look at Some Interlanguage Terminology*. Singapore: Longman.

- Troike. M.S. (1991). *Etnografi Komunikasi Suatu Pengenalan (Terj.Ajid Che Kob)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yudi Suseno, Rumiri Aruan & Hadriana.(2013). *Using English Parliamentary Debate World Schools Format to Improve Public Speaking Ability of the First Year Students of English Self Developmental Program in SMAN1 Pekan Baru*, <http://repository.unri.ac.id/handle/123456789/1152>.
- Woon Chee Chee. (2010). "*Strategi Tanya-Jawab dalam Bilik Darjah: Satu Analisis Pragmatik*", Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Zarina Ahmad. (2009). "*Keterampilan Bertutur dalam Kalangan Pelajar Institusi Pendidikan Guru di Selangor (IPIS)*", Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba). (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainol Hamzah. (2000). *Penggunaan Bahasa dalam Pertuturan Kanak-kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik*. Tesis PhD, Universiti Putera Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2002). *Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Kanak- Kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zieglmueller, G. & Dause, C. (1975) *Argumentation: Inquiry And Advocacy*. New Jersey Prentice-Hall, Inc. Book chapter.

SENARAI PENERBITAN

- Noor Asliza Abdul Rahim, Zaliza Zubir dan Nurul Syazwani Zulkifli. (2012). *Kaedah Terus dalam Pengajaran Bahasa Melayu kepada Penutur Asing*". Prosiding Seminar Of Pedagogy Of Malay, Indonesian And Other Language (Pmiol 2012), 14-15 Jun 2012, Universitas Pendidikan Bandung (UPI).
- Noor Asliza Abdul Rahim dan Normaliza Abd. Rahim. (2013). Strategi Komunikasi Pelajar Kejuruteraan dalam Komunikasi Lisan Formal. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Volume 134, 15 May 2014, 382–388.
- Noor Asliza Abdul Rahim dan Norazlina Haji Mohd Kiram. (2014). "*Teknik Berdebat Dalam Pertandingan Debat Diraja antara IPT*". Jurnal Rampak Serantau Bil. 21, 2014. MABBIM.
- Noor Asliza Abdul Rahim dan Norazlina Haji Mohd Kiram. (2015). "*Keterampilan Berbahasa Pendeбат dalam Pertandingan Akhir Debat Diraja antara IPT*". Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2015). 20-21 Januari 2015, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Noor Asliza Abdul Rahim Dan Norazlina Haji Mohd Kiram. (2015). "*Strategi Komunikasi Dan Kesopanan Dalam Pertandingan Debat Diraja antara IPT*". Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu Keempat 2015 (Pambm4, 2015). 26-28 Mei 2015. Goethe Universitat, Frankfurt Jerman.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

TEKNIK PERUNDINGAN DALAM PERTANDINGAN DEBAT DIRAJA

NAMA PELAJAR : NOOR ASLIZA BINTI ABDUL RAHIM

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (V)

☐

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

☐

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

☐

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

☐

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi JawatankuasaPenyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]